

**HADIAH MENCIPTA TEMA
HARI KUALITI DAN INOVASI PERKHIDMATAN (HKIP)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) TAHUN 2018**

1.0 OBJEKTIF

- 1.1 Memberi penghargaan dan pengiktirafan secara formal kepada staf Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk melahirkan idea yang kreatif dan inovatif dalam mencipta tema Hari Inovasi;
- 1.2 Menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan staf dan memupuk semangat kerjasama dalam menyumbang idea.

2.0 PENYERTAAN

- 2.1 Penyertaan Pertandingan Hadiah Mencipta Tema Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM ini terbuka kepada semua staf UPM kecuali AJK Hadiah Mencipta Tema HKIP 2018.

3.0 SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- 3.1 Setiap tema yang dihantar hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:
 - (a) menekankan budaya kreatif dan inovatif;
 - (b) belum pernah memenangi pertandingan mencipta tema HKIP UPM tahun sebelumnya.
- 3.2 Tema mestilah tidak melebihi lima (5) patah perkataan.
- 3.3 Tema hendaklah dalam Bahasa Melayu.
- 3.4 Setiap tema yang dikemukakan hendaklah **ASLI**, disertai dengan penerangan yang jelas dan tepat (Tidak melebihi 50 patah perkataan).
- 3.5 Setiap individu boleh menghantar maksimum tiga (3) penyertaan tetapi hanya satu (1) penyertaan sahaja akan dipilih untuk memenangi hadiah utama.
- 3.6 Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang Pertandingan Hadiah Mencipta Tema HKIP 2018 di alamat <https://form.jotform.me/hkiptema/2018>
- 3.7 Tema yang dikaryakan TIDAK boleh menyentuh isu-isu sensitif/agama/bangsa/politik dan menggunakan perkataan kurang sopan.

4.0 BENTUK PENGIKTIRAFAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH

- 4.1 Semua peserta akan menerima sijil penyertaan.
- 4.2 Pemenang pertandingan akan menerima Sijil Pemenang dan Wang Tunai sebanyak RM 250.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Lima Puluh sahaja).
- 4.3 Hadiah untuk pemenang akan disampaikan pada Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) yang akan diadakan pada 2 November 2018.

5.0 KEPUTUSAN PERTANDINGAN

- 5.1 Keputusan yang dibuat oleh Panel Penilai adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dilayan; dan
- 5.2 Hanya seorang pemenang akan dimaklumkan secara rasmi oleh Urus Setia HKIP 2018.

6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan pertandingan boleh diajukan kepada Urusetia:

hkip.tema@gmail.com

atau

Puan Salmah Abdullah
03-89468648
Puan Aznizultina Md Nazar
03-89468615

Jawatankuasa Hadiah Mencipta Tema HKIP 2018
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia

7.0 TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Tarikh tutup penyertaan adalah pada **27 Julai 2018 (Jumaat)**